

## Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur

*Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review*

WAN NUR A'INA MARDHIAH WAN RUSHDAN, Universiti Kebangsaan Malaysia

MOHD ZAMRO MUDA<sup>1</sup>, Universiti Kebangsaan Malaysia

ZULIZA MOHD KUSRIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: September 14, 2021

Accepted: November 26, 2021

Online Published: June 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### ABSTRAK

*Perwarisan harta pusaka merujuk kepada aturan yang mengatur tentang pemindahan hak pemilikan harta peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia dan dibahagikan kepada waris yang berhak. Walaupun atas pentadbiran harta pusaka di Unit Pusaka Kecil setiap negeri adalah selari berpandukan standard prosedur operasi (SOP) dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, namun kewujudan undang-undang pentadbiran tanah adat menjadikan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di Negeri Sembilan, salah sebuah negeri di Malaysia, agak berbeza dengan negeri-negeri lain. Hal ini kerana, masyarakatnya masih berpegang kepada hukum Adat Perpatih sebagai aturan yang mempunyai sistem tersendiri. Melihat kepada kajian-kajian terdahulu, pengamalan masyarakat Negeri Sembilan terhadap pewarisan harta masih selari dengan peraturan di dalam Undang-Undang Tanah Adat. Walau bagaimanapun, kajian lalu mendedahkan bahawa terdapat banyak isu dan halangan yang sering timbul dihadapi oleh pihak pentadbir melibatkan pengurusan harta pusaka di Negeri Sembilan. Oleh itu, matlamat artikel ini adalah untuk mengkaji amalan dan isu-isu dalam pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat dan pengurusan Unit Pusaka Kecil di Negeri Sembilan dalam menjalankan proses pembahagian harta pusaka. Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif. Pengumpulan data kajian menggunakan analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif dan tematik. Hasil analisis kajian literatur mendapati wujud pemasalahan seperti ketidakjelasan masyarakat terhadap konsep dan amalan pentadbiran dan pembahagian pusaka di Unit Pusaka Kecil Negeri Sembilan, kekaburuan masyarakat terhadap status amalan adat dalam pembahagian harta pusaka menurut syarak serta cabaran dan halangan unit pusaka dalam menguruskan pembahagian harta pusaka. Implikasi daripada pemasalahan tersebut menyebabkan keperluan untuk dilakukan kajian lanjutan bagi mengkaji secara mendalam pemahaman masyarakat, amalan pentadbiran sedia ada dan seterusnya mencadangkan solusi kepada permasalahan tersebut.*

*Kata kunci:* Adat Perpatih, tanah adat, pengurusan harta pusaka, Negeri Sembilan, undang-undang.

### ABSTRACT

*Inheritance refers to the law or rules governing the transfer of ownership of the estate of a deceased and distributed to the entitled heirs. In general, the basis of estate management and administration in the Small Estate Distribution Unit of each state is in line with the standard operating procedures (SOP) and the Small Estate (Distribution) Act 1955. However, the existence of customary land administration laws in Negeri Sembilan, one of the state in Malaysia, makes the management and administration of this state slightly different from other states. This is because the community still adheres to the law of Adat Perpatih which is a rule that has its own system. Previous studies have shown that the Negeri Sembilan community's still follow the practice of inheritance and property management contained in the Customary Land Law. However, past studies have also revealed that there are many issues and obstacles that often arise faced by land administrators involving estate management practices in Negeri Sembilan. Thus, the purpose of this article is to examine the practice of inheritance distribution among the Muslim community in Negeri Sembilan based on previous studies and to examine the role of administrators in carrying out the process of inheritance distribution of the deceased. This is a qualitative study using a content analysis approach. Data is collected and analysed by a descriptive and thematic approach. The analysis of the literature review showed several main problems involving the estate administration and management of the Small Estate Distribution Unit in Negeri Sembilan such as the community's ambiguity on the concept and practice of administration and distribution, the misunderstanding of society on the status of customary practices according to*

<sup>1</sup> Corresponding author.

*sharia and the challenges of the unit when handling the issues related to administration and distribution. The implications of these problems cause the need to conduct further studies on the understanding of society, existing estate administration and ultimately propose solutions to these problems.*

**Keywords:** Adat Perpatih, customary land, estate management, Negeri Sembilan, legal issues

## PENGENALAN

Harta pusaka adalah peninggalan si mati yang perlu diuruskan dengan efisien supaya urusan pembahagian kepada waris-waris yang berhak dapat diuruskan dengan segera. Pembahagian pusaka mengikut urutan dan bahagian waris yang telah dijelaskan secara terperinci dalam al-Quran, merupakan kaedah yang disyariatkan dengan prinsip hukum Syarak dan sebagai sebuah ketetapan yang memberi keadilan secara menyeluruh. Menurut Yusuf Sani Abubakar et al. (2019), dalam penyelesaian pengurusan harta pusaka, kaedah Faraid sebagaimana yang telah ditetapkan oleh al-Quran, adalah merupakan kaedah terbaik yang seharusnya digunakan oleh umat Islam. Di Malaysia, pembahagian hukum Faraid diamalkan secara meluas berbanding kaedah-kaedah lain (Mohd Khairy Kamarudin et al. 2015).

Walau bagaimanapun, melihat kepada realiti semasa iaitu dengan isu lambakan harta pusaka yang tidak dituntut, terutamanya melibatkan harta pusaka tak alih, telah mengkehendaki waris-waris untuk memilih kaedah lain dalam pembahagian pusaka sebagai contoh, kaedah muafakat dan melepaskan hak atau *takharruj*. Hal ini disebabkan bagi sesetengah keadaan dan bentuk harta pusaka adalah lebih sesuai untuk diselesaikan dengan kaedah lain malah boleh mengundang masalah kepada pemanfaatan harta pusaka sekiranya kaedah Faraid tetap diteruskan (Md Yazid Ahmad et al., 2018; Mohammad Arif Sabtu & Siti Mashitoh Mahamood, 2017).

Alternatif lain seperti kaedah muafakat atau persetujuan bersama antara waris, bukan sahaja memberi manfaat kepada waris-waris, sekaligus memudahkan urusan pembahagian pusaka supaya dapat diusahakan dan dimajukan dengan segera oleh penerimanya. Kajian oleh Md Yazid Ahmad (2018) mengenai amalan masyarakat dalam pengurusan harta pusaka di Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) menunjukkan bahawa amalan muafakat dan *takharruj* dalam pembahagian pusaka sering diamalkan oleh waris-waris dalam pengurusan harta pusaka.

Amalan pembahagian harta pusaka di Pejabat Tanah turut sama terkesan dengan kewujudan harta pusaka adat (Azman Ab. Rahman et.al., 2017; Nabilah Yusof et.al., 2017). Sejarah Tanah Melayu cukup sinonim dengan pengaruh hukum adat dan hukum Islam yang mempengaruhi amalan masyarakat, menjadikannya berbeza mengikut penempatan (Izawati Wook et.al., 2017). Analisis

sejarah juga menunjukkan bahawa hukum Adat Perpatih yang diamalkan masyarakat Negeri Sembilan adalah hukum yang berasaskan kepada sumber adat resam dan adat turun temurun dan dipercayai dibawa oleh masyarakat Minangkabau yang berasal dari Pagaruyung, Sumatera (Indonesia) yang telah berhijrah ke Tanah Melayu (Hami et.al., 2018). Pengaruh adat dalam masyarakat Tanah Melayu menyebabkan terdapat beberapa unsur amalan adat yang diterima pakai dalam amalan pembahagian harta pusaka.

Amalan perwarisan terdahulu di Negeri Sembilan dilihat berbeza dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu sejak dahulu lagi adalah kerana bertujuan untuk memberi perlindungan kepada kepada anak-anak khususnya anak perempuan (Peletz, 1994). Menurut Peletz (1994), biasanya bagi masyarakat Adat Perpatih terdahulu di Negeri Sembilan, harta warisan yang diturunkan kepada anak-anak perempuan terdiri daripada rumah, sawah padi dan tanah kebun. Manakala, anak-anak lelaki mewarisi alatan-alatan, pakaian dan senjata bapa mereka termasuklah wang tunai dan tanah. Nabilah Yusof et al. (2017) dalam makalah beliau telah menjelaskan bahawa dalam proses perwarisan harta pusaka Adat Perpatih, harta pusaka selain adat biasanya menggunakan kaedah hukum Faraid atau muafakat antara waris manakala tanah pusaka atau tanah adat menggunakan undang-undang tanah adat. Beberapa hikmah daripada sistem Adat Perpatih ini dijelaskan oleh Sahid (2018), antara lain iaitu terutamanya bertujuan untuk menjaga hak wanita apabila berlaku perkara yang tidak diingini sebagai contoh perceraian dan mengangkat kemuliaan wanita di dalam sesuatu kaum. Kelebihan ini jelas diperlihatkan dengan adanya hak istimewa bagi kaum wanita iaitu hak perwarisan tanah adat. Namun begitu, hak ini tidaklah diberikan secara mutlak kepada kaum wanita tetapi sebaliknya sebagai pemegang amanah dengan tanpa menafikan hak kaum lelaki dalam mengusahakan dan memakan hasil daripada tanah adat tersebut.

Kajian ini bertujuan menfokuskan kepada amalan dan isu-isu dalam pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat dan pengurusan Unit Pusaka Kecil di Negeri Sembilan dalam menjalankan proses pembahagian harta pusaka. Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif. Pengumpulan data kajian menggunakan analisis dokumen seterusnya data-data dianalisis secara deskriptif dan tematik. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa masyarakat tanah adat di Negeri Sembilan sering berhadapan dengan pelbagai isu pengurusan dan pentadbiran dalam amalan pembahagian harta pusaka. Dapatkan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pegawai-

pegawai di Unit Pusaka Kecil dalam melaksanakan prosedur pengurusan dan pentadbiran yang lebih berkesan bagi memantapkan serta menambahbaik kualiti perkhidmatan kepada masyarakat di Negeri Sembilan.

## KAJIAN LITERATUR

### Konsep dan Amalan Pengurusan Harta Pusaka di Malaysia

Harta pusaka ialah harta yang ditinggalkan oleh seseorang yang meninggal dunia untuk dipusatkan oleh waris-warisnya (Resali Muda, 2016). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, harta pusaka merujuk kepada harta warisan yang ditinggalkan turun temurun oleh seseorang yang meninggal dunia untuk dipusatkan oleh waris-warisnya. Sistem undang-undang di Malaysia yang telah dipengaruhi oleh dasar dan pentadbiran British, memberi kesan terhadap masyarakat Melayu Islam dalam pengurusan harta pusaka mereka terutama dari aspek pentadbiran dan pengagihan (Noraini Noordin et.al., 2012). Kesannya, wujud tiga agensi yang menguruskan dan mentadbir harta pusaka orang Islam di Malaysia, iaitu Mahkamah Tinggi, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli serta Amanah Raya Berhad. Manakala, Mahkamah Syariah pula hanya mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sijil Faraid bagi menentukan waris Faraid yang sah dan bahagian Faraid yang diperolehi, mengesahkan wasiat (sekiranya ada), dan sekiranya timbul isu-isu melibatkan kesahan perkahwinan, pengesahan ahli waris dan hak ahli waris (Noraini Noordin et al., 2012; Suhaime Ab Rahman et.al., 2018).

Dalam pada itu, setiap institusi hendaklah bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan jenis harta pusaka yang berbeza, iaitu Harta Pusaka Kecil ditadbir mengikut peruntukan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Harta Pusaka Biasa mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan prosedur yang ditetapkan mengikut peruntukan di bawah Peraturan Mahkamah Sivil (Rules of Court 2012) dan harta ringkas mengikut Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Kewujudan beberapa agensi pentadbiran harta pusaka dan realiti perundungan yang dinyatakan tersebut sebenarnya telah menimbulkan kekeliruan kepada orang awam khususnya, malah timbul rungutan dan kritikan dengan menyalahkan pihak Pejabat Tanah, Mahkamah Syariah dan agensi lain apabila timbul isu harta pusaka tidak dapat diselesaikan, pertelingkhan waris-waris dan lain-lain.

Pada asasnya, penetapan perwarisan harta pusaka mengikut pembahagian kaedah Faraid telah diperuntukkan di dalam Al-Quran dalam ayat 5, 7, 8, 11, 12, dan 176 surah al-Nisa', yang memperihalkan mengenai perwarisan harta pusaka, waris yang layak serta bahagian yang layak diterima. Sistem Faraid ini juga dilakukan dengan berlandaskan al-Quran, sunnah dan ijmak ulama. Walaupun sistem

perwarisan Hukum Faraid tidak secara khusus dikanunkan di dalam undang-undang bertulis di Malaysia, namun tetap diamalkan secara berkesan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia. Hal ini bertujuan memberi jaminan kedudukan harta selepas kematian si mati secara hakiki atau taqdiri seterusnya untuk memastikan hak waris-waris menurut syariat dapat dilaksanakan (Hani Kamariah et al. 2020).

Mohd Khairy Kamarudin et al. (2015) dalam kajian beliau telah melakukan perbandingan terhadap tiga kaedah atau amalan pembahagian harta pusaka yang lazim digunakan oleh masyarakat, dengan cara menggunakan pendekatan Analytical Hierarchy Process (AHP). Hal ini bertujuan untuk menilai keutamaan pilihan para waris di antara tiga kaedah seperti pembahagian mengikut faraid, melalui kaedah sulu dan takharruj. Hasil pendekatan AHP yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa pembahagian pusaka melalui pembahagian faraid (74.72%) diberi keutamaan oleh waris-waris dibandingkan dengan pembahagian mengikut persetujuan (sulu/ muafakat) (25.28%) dan perlepasan hak (takharruj) (15.67%). Keputusan ini telah mendedahkan bahawa masyarakat Malaysia kurang memilih untuk menggunakan kaedah selain daripada pembahagian hukum faraid dalam pengurusan harta pusaka.

Banyak kajian lalu mendedahkan bahawa ramai di kalangan masyarakat Muslim yang tidak memahami amalan atau kaedah pembahagian harta pusaka dan ilmu Faraid sehingga menjadi punca peningkatan harta pusaka beku di Malaysia (Bibi Nur Adila & Md Yazid 2016; Jasni Sulong 2012; Nik Rahim et al. 2018). Kurang mempunyai minat untuk membuat perancangan pengagihan harta secara teliti menyebabkan kebanyakan mereka telah menyempitkan pemakaian hukum faraid sehingga mengakibatkan pelaksanaannya menjadi tidak praktikal. Kaedah Faraid bukanlah satu-satunya kaedah yang boleh diamalkan oleh masyarakat Muslim di Malaysia. Hal ini kerana, terdapat kaedah alternatif selain hukum Faraid yang boleh digunakan. Misalnya di Pejabat Tanah, garis panduan kepada pentadbir tanah dalam mengeluarkan perintah pembahagian harta pusaka telah diperuntukkan di bawah Seksyen 15(5) dan Jadual Pertama Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Di bawah seksyen ini, waris-waris dibenarkan untuk melakukan pembahagian mengikut persefakan, iaitu pembahagian dibuat tanpa mengikut hukum Faraid dengan syarat wujud persetujuan semua ahli waris. Menurut Rusnadewi dan Noor Inayah (2010), pembahagian ini sebenarnya menepati kaedah sulu yang dianjurkan agama Islam, dan sah menurut undang-undang serta mengikat waris-waris. Amalan ini turut sama telah diamalkan dalam tradisi masyarakat Melayu lama yang mementingkan persamaan dan keikhlasan berkaitan hak ke atas harta (Jasni Sulong, 2016).

Masyarakat Melayu lama mengamalkan dua bentuk adat utama iaitu Adat Perpatih yang

diamalkan di Negeri Sembilan dan Naning di Melaka serta Adat Temenggung yang diamalkan negeri-negeri lain (Izawati Wook et al., 2017). Kelangsungan sesuatu amalan yang menjadi kebiasaan atau sinonimnya dengan istilah ‘adat’ dalam kelompok masyarakat tertentu bertujuan untuk mengeratkan persaudaraan serta menentukan hak seseorang dalam masyarakat terutamanya untuk menjamin harta warisan. Prinsip amalan patrilineal yang mengutamakan waris lelaki dalam pembahagian pusaka, yang diamalkan dalam norma masyarakat Adat Temenggung, dilihat menepati ketetapan hukum syarak dalam al-Quran mengenai pembahagian pusaka. Manakala, masyarakat Adat Perpatih cenderung mengamalkan prinsip matrilineal dalam hukum adat mereka iaitu dengan mengutamakan waris wanita dalam perwarisan. Menurut Jasni Sulong (2012) pula, terdapat tiga pola pembahagian dalam amalan masyarakat Melayu iaitu mengutamakan waris daripada keturunan wanita, mengutamakan waris daripada keturunan lelaki dan mengutamakan waris daripada kedua-dua belah pihak secara sama rata. Perbezaan terhadap setiap pola amalan yang diamalkan ini adalah berasaskan fungsi dan beban tanggungjawab yang dipikul.

Sejarah juga telah menunjukkan British mempengaruhi pentadbiran di Tanah Melayu namun dengan masih mengambil kira agama dan adat istiadat orang Melayu (Hendun Abd Rahman Shah et.al., 2017). Hal ini sedikit sebanyak membantu dalam mengekalkan kedudukan harta pusaka adat di Negeri Sembilan. Kesannya pada masa kini, hukum adat di Negeri Sembilan telah diperundangkan dengan wujudnya tiga undang-undang pentadbiran adat iaitu, Enakmen Pemegangan Adat Bab 215, Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkongan) Tahun 1960 dan Enakmen Undang Rembau (Tanah) 1949. Ketiga-tiga enakmen ini menjamin kedudukan wanita dalam sesuatu suku sebagai waris kepada pemilikan tanah adat. Pemilikan tersebut tidak menjadikannya sebagai hakmilik mutlak waris wanita tersebut, tetapi hanya sebagai Pemegang Amanah yang mentadbir aset tersebut dan tanah ini masih dianggap sebagai milik suku berkenaan (Hendun Abd Rahman Shah et al., 2017; Nabilah Yusof et al., 2017).

#### Ketidakjelasan Masyarakat Terhadap Konsep Dan Amalan Pentadbiran Dan Pembahagian Pusaka Di Unit Pusaka Kecil Negeri Sembilan

Menurut Pengarah Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan, Baharuddin Aziz, kurang pengetahuan dalam ilmu pengurusan harta pusaka menjadikan proses pengagihan harta pusaka bertambah rumit di samping berlakunya risiko waris bertindih, penipuan dan pertikaian di kalangan waris (Raja Noraina Raja Rahim, 2020). Menurut beliau, sekiranya perancangan awal tidak dibuat dan waris si mati yang masih hidup kurang pengetahuan mengenai

pengurusan harta pusaka Islam dan kepada agensi mana yang perlu dirujuk, hal tersebut boleh menyumbang kepada pengurusan harta pusaka yang tertangguh. Kemelut pembahagian harta pusaka di tanah air yang berlaku pada awal tahun 2020 yang lalu, melibatkan keluarga pelawak tanah air, Allahyarham Abam Bocey dan balunya, Nur Hidayah yang telah berlarutan lama dan tular di media sosial, memperlihatkan bahawa ketidakfahaman masyarakat terhadap proses sebenar yang perlu dilalui dalam melakukan tuntutan selepas kematian boleh mencetuskan mencetuskan pertelingkahan dan putusnya tali persaudaraan (Syafil Syazwan Jefri, 2020).

Azman Ab. Rahman et al. (2017) dalam kajian beliau telah menyatakan bahawa tahap kefahaman masyarakat Adat Perpatih terhadap konsep tanah adat dan undang-undang tanah adat semakin berkurang terutama dalam kalangan golongan muda. Hal ini dikatakan berpunca daripada kurangnya penulisan dan bahan rujukan berkaitan undang-undang adat dan minat yang kurang terhadap amalan adat. Perkara ini turut disokong oleh kajian Nabilah Yusof et al. (2017) yang mengatakan bahawa sering berlaku salah faham masyarakat terhadap pemilikan tanah pusaka adat seperti berlakunya isu pembahagian tanah yang lama, pergaduhan serta wujudnya tanah-tanah adat yang terbiar. Fenomena di atas menggambarkan terdapatnya kelemahan dari segi pengurusan dan pentadbiran tanah pusaka oleh pihak Pejabat Tanah dan para waris apabila melibatkan tanah pusaka adat.

Kekaburuan dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka dalam kalangan masyarakat beragama Islam sehingga kini masih belum menemui jalan penyelesaian. Rentetan daripada peningkatan harta beku yang bertambah saban tahun, Noor Syahida Abdul Rahman et al. (2018) dalam kajiannya telah membuat kajian terhadap 314 orang di responden terdiri daripada pelbagai institusi di Lembah Klang melalui instrumen borang soal selidik bagi menilai sejauh mana tahap pengetahuan dan kefahaman orang Islam terhadap harta pusaka Islam, di samping menguji kecekapan dan keberkesanan institusi-institusi yang terlibat dengan tuntutan harta. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa para responden mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang sederhana berkaitan harta pusaka dengan purata nilai min keseluruhan adalah 3.501. Manakala, kecekapan dan keberkesanan institusi yang terlibat juga adalah pada tahap sederhana dengan purata nilai min keseluruhan adalah 3.284.

Seterusnya, menurut Bibi Nur Adila Zulkafli & Md Yazid Ahmad (2016) pula, isu harta beku dan tidak dituntut ini sebenarnya adalah berpunca daripada ketidakfahaman masyarakat tentang kaedah serta prosedur yang betul yang perlu dilakukan bagi menguruskan harta pusaka. Makalah ini merumuskan bahawa terdapat dua keadaan yang menjadi kekangan kepada anggota masyarakat iaitu kekangan dari aspek perundangan dan pentadbiran serta kekangan

akibat masalah sosial yang wujud. Hal ini menjadi punca masyarakat mengambil sikap sambil lewa dalam pengurusan harta pusaka sekaligus menyumbang kepada peningkatan jumlah harta pusaka beku yang tidak dituntut.

Dapatkan kajian di atas adalah sejajar dengan hasil kajian Nik Rahim Bin Nik Wajis et al. (2018) yang menyatakan bahawa masalah perundangan dan masalah sosial masyarakat merupakan faktor utama kepada masalah kelewatan permohonan pengurusan harta pusaka orang Islam di Malaysia, terutamanya melibatkan pengurusan harta tak alih. Kajian ini juga turut mendapatkan bahawa kekangan tersebut menyebabkan waris bersikap acuh tidak acuh dan tidak bertindak segera menguruskan harta pusaka apabila berlaku kematian pemilik harta. Akhirnya, kelewatan pengurusan yang disengajakan ini mengundang masalah yang lebih rumit apabila berlaku kematian berlapis ke atas waris-waris si mati.

Azwan Syah Idris et al. (2015) dalam kajian beliau telah meneliti kesan perlaksanaan Customary Tenure Enactment (CTE) yang diwujudkan dan digubal khusus oleh British bagi menguruskan tanah adat di Negeri Sembilan. CTE digubal bertujuan untuk memastikan tanah adat terpelihara sebagai hak milik tetap suku dan tidak boleh dijual. Menurut CTE, hanya tanah pusaka yang terdapat tanda customary land sahaja ditadbir di bawah pentadbiran adat. Hal ini telah memberi kesan kepada pemikiran masyarakat dengan menyalahi matlamat asal pelaksanaan undang-undang tersebut apabila sebahagian masyarakat mula bertindak membatalkan tanda customary land untuk memudahkan urusan menjual tanah adat. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pengamalan hukum Adat Perpatih dalam sebahagian masyarakat Negeri Sembilan adalah tidak kuat dan tiada lagi semangat sesama suku seperti yang diterapkan dalam Adat Perpatih.

Berbeza pula dengan kajian Nabilah Yusof et al. (2017) yang membuktikan bahawa amalan perwarisan tanah adat masih lagi giat diamalkan hingga kini oleh masyarakat Adat Perpatih. Namun begitu, majoriti responden kajian telah memperlihatkan beberapa isu berbangkit, contohnya proses pembahagian tanah adat mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Dapatkan makalahnya menjelaskan bahawa isu-isu yang timbul ini bukan sahaja berpunca daripada sikap waris-waris malah melibatkan pentadbiran pihak pejabat tanah juga. Isu-isu dari segi pengurusan dan pentadbiran tanah adat lain sebagai contoh, kewujudan tanah-tanah terbiar, dan pertelingkahan waris-waris turut dibangkitkan.

#### Kekaburuan Masyarakat Terhadap Status Amalan Adat Dalam Pembahagian Harta Pusaka Menurut Syarak

Amalan pelaksanaan pembahagian harta pusaka masyarakat Muslim di Malaysia biasanya merujuk kepada pembahagian harta pusaka biasa dan harta pusaka adat (Jasni Sulong, 2012). Di Malaysia,

pemakaian hukum Faraid atau kaedah pembahagian hukum syarak adalah terpakai bagi orang Islam, sebagaimana yang telah ditetapkan al-Quran. Sistem Faraid telah dijadikan sebagai rujukan utama masyarakat Muslim di Malaysia dalam pembahagian harta pusaka menurut undang-undang (Mohd Khairy & Azwan Abdullah 2016). Selain itu, hukum-hukum adat yang menepati hukum syarak seperti amalan pakat dalam kalangan waris atau *takharuj* juga turut diiktiraf undang-undang negara, misalnya seperti yang termaktub dalam peruntukan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Misalnya, khusus bagi negeri-negeri tertentu seperti di Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah, apabila melibatkan tanah-tanah adat, pemakaian hukum adat adalah diiktiraf oleh undang-undang dan kaedah pembahagian berdasarkan kepada hukum adat.

Permasalahan yang sering timbul mengenai amalan pembahagian harta pusaka yang digunakan oleh masyarakat yang mengamalkan hukum Adat Perpatih di Negeri Sembilan iaitu sama ada amalan perwarisan pusaka masyarakat Adat Perpatih adalah adat yang diperakui hukum syarak dan dibenarkan agama Islam atau pun tidak (Mualimin Mohammad Sahid et.al., 2018; Nur Amirah Bt Azaldin & Mat Noor Mat Zain, 2019). Hal ini juga dibuktikan oleh kajian Izawati Wook et al. (2017) dan Mualimin Mohammad Sahid et al. (2018) yang menyatakan bahawa selain daripada tahap kefahaman masyarakat terhadap tanah adat dan undang-undang tanah adat yang semakin berkurang, sebahagian mereka juga dilihat tidak berupaya mengaitkan hubungan perwarisan harta melalui tanah adat dan perwarisan menurut hukum syarak dengan jelas.

Analisis terhadap amalan pengurusan harta pusaka di Negeri Sembilan telah dilaksanakan oleh beberapa kajian lain. Kajian Jasni Sulong (2012) telah membincangkan mengenai amalan masyarakat Melayu dalam pembahagian harta pusaka yang dipengaruhi oleh tradisi silam dan amalan adat. Makalah tersebut juga telah menjelaskan bahawa perkembangan agama Islam di Tanah Melayu menjadikan pembahagian harta pusaka menurut hukum syarak diaplikasikan secara beransur-ansur. Dalam menyelesaikan pembahagian tanah adat terutamanya, kaedah muafakat kebiasaan dipakai untuk menjadikan pembahagian harta pusaka tersebut selaras sebagaimana yang ditetapkan agama Islam.

Amalan perwarisan pusaka di Negeri Sembilan dilihat telah menarik ramai dalam kalangan para pengkaji dalam meneliti konsep amalan ini adalah menepati konsep amalan perwarisan pusaka menurut Islam. Dalam pada itu, Setiyawan Gunardi et al. (2017) telah membincangkan secara mendalam amalan pembahagian tanah adat di Negeri Sembilan dengan konsep Al-'adah Muakkamah. Hasil kajian mendapatkan bahawa perwarisan tanah adat yang diamalkan masyarakat Negeri Sembilan adalah menepati prinsip-prinsip yang terdapat dalam konsep Al-'adah Muakkamah. Oleh yang demikian, sekalipun syarak telah menetapkan hukum Faraid

iaitu pembahagian harta pusaka secara jelas di dalam Al-Quran, namun menurut kajian, amalan perwarisan pusaka masyarakat Adat Perpatih iaitu melibatkan tanah adat adalah adat yang diperakui hukum syarak dan dibenarkan agama Islam.

Dapatkan kajian di atas juga adalah selari dengan hasil kajian Mualimin Mochammad Sahid et al. (2018); Nur Amirah & Mat Noor Mat Zain (2019) yang telah mengkaji sejauhmana amalan perwarisan tanah adat berbeza dengan yang telah ditetapkan hukum syarak. Mualimin Mochammad Sahid et al. (2018) misalnya, dalam penulisannya telah menyangkal pandangan ilmuwan terkenal, Syeikh Ahmad Al-Khatib Al-Minangkabawi yang telah menyifatkan amalan adat Minang mahupun Adat Perpatih mengamalkan adat perwarisan yang menyalahi hukum agama. Oleh yang demikian, penulis telah membawakan beberapa pendapat ilmuan lain yang membenarkan amalan perlaksanaan perwarisan harta pusaka ini berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah. Kajian akhirnya mendapati bahawa prinsip-prinsip asas perwarisan tanah adat tidak dihalang oleh agama Islam malah bertepatan dengan dalil syarak iaitu Uruf.

Dalam tinjauan syarak secara ringkas daripada kajian terdahulu ini, dilihat bahawa meskipun amalan pembahagian pusaka adat tidak seperti yang diamalkan oleh agama Islam dengan mengutamakan susur galur nasab kaum lelaki, namun keutamaan yang diberikan kepada kaum perempuan dalam perwarisan pusaka adat adalah diterima kerana tidak bercanggah dengan asas ajaran Islam dan bertujuan untuk melindungi kaum perempuan. Dalam pada itu, Jabatan Mufti Negeri Sembilan juga telah merumuskan bahawa perwarisan tanah adat di Negeri Sembilan adalah tidak bertentangan dengan ajaran Islam (Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2016). Asasnya adalah merujuk kepada pemakaian konsep Uruf dalam Islam dengan pewarisan tanah adat didapati ia bersesuaian dan tidak menyalahi syarat-syarat yang digariskan.

#### Cabar Dan Halangan Unit Pusaka Dalam Menguruskan Pembahagian Harta Pusaka

Kedaptan permasalahan dari segi cabaran dan halangan yang sering dihadapi oleh pihak Unit Pusaka Kecil di Pejabat Tanah, juga berbeza mengikut tempat. Kekangan yang sering dihadapi dalam melaksanakan amalan pembahagian harta pusaka misalnya apabila melibatkan kes khas seperti tanah di bawah Federal Land Development Authority (FELDA) yang tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang terhad kepada dua nama sahaja yang boleh didaftarkan apabila berlaku kematian peneroka (Mohd Khairy Kamarudin & Azwan Abdullah, 2016). Begitu juga dalam persoalan mengenai Tanah Rezab Melayu yang hanya dikhususkan pemberian hak milik tanah kepada orang Melayu sahaja. Hal ini menimbulkan keperluan dalam menyelesaikan

pembahagian tanah-tanah tersebut dengan cara yang sesuai dan munasabah selain menggunakan Hukum Faraid yang boleh menyebabkan pembahagian tanah pusaka dipecah-pecah dan tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Walaupun tanah pusaka biasa dan tanah adat kedua-duanya merupakan tanah warisan, namun berbeza dari segi cara pembahagiannya (Nabilah Yusof et al., 2017). Tanah pusaka akan dipusatkan oleh waris-waris mengikut sistem hukum Faraid, manakala tanah adat pula diwarisi secara Adat Perpatih dari kalangan waris perempuan. Izawati Wook et al. (2017) dalam artikel beliau telah menumpukan kajian terhadap 525 orang responden dalam kalangan masyarakat tanah adat di tiga daerah Negeri Sembilan iaitu di Kuala Pilah, Rembau dan Tampin, bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu perundungan serta meneliti kesesuaian statut sedia ada berkaitan tanah adat di Negeri Sembilan. Akhirnya, beberapa isu mengenai tanah adat telah diketengahkan oleh responden kajian. Antaranya ialah, isu percanggahan dengan agama Islam dan isu ketidakrelevenan tanah adat pada masa kini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk melihat kembali undang-undang sedia ada dan mencadangkan agar kajian lanjutan dibuat terhadapnya.

Pengkaji mendapati bahawa sering terdapat isu-isu pentadbiran yang dihadapi oleh pihak pentadbir tanah di Negeri Sembilan melibatkan amalan pengurusan harta pusaka adat seperti wujud pertikaian pendapat dalam kalangan pentadbir tanah iaitu mengenai penggunaan peraturan adat bagi urusan penyelesaian pusaka yang tidak berdaftar sebagai tanah adat (Hendun Abd Rahman Shah et al., 2017). Selain itu, terdapat juga keadaan iaitu apabila pendaftaran hakmilik tanah adat dibuat di Pejabat Tanah, individu yang dinamakan menganggap tanah tersebut miliknya secara individu, walhal peranannya hanyalah sebagai pemegang amanah ke atas tanah tersebut. Hal ini menimbulkan persoalan kepada masyarakat tentang peranan pentadbir dalam menemukan titik penyelesaian bagi masyarakat yang mengamalkan hukum Adat Perpatih. Pengkaji berpendapat bahawa adalah penting untuk menentukan pembahagian dengan cara yang sesuai dengan keadaan sesuatu harta yang ditinggalkan.

Isu penting yang dikenalpasti turut menjadi perbincangan beberapa penulis dalam artikel-artikel terpilih adalah berkaitan dengan isu catitan ‘tanah adat’ atau ‘customary land’ di dalam hak milik tanah yang dikeluarkan oleh pejabat tanah, iaitu sama ada tertakluk kepada peraturan dan pegangan adat atau tidak. Hendun Abd Rahman Shah et al. (2017) sebagai contoh, dalam mengkaji kedudukan undang-undang tanah adat di Malaysia telah membangkitkan isu ini dalam kajian beliau. Penulis berpendapat isu di atas kerap menimbulkan pelbagai reaksi dan respon daripada masyarakat Adat Perpatih. Penulis merumuskan bahawa, hak milik tanah adat di Negeri Sembilan sama ada yang tertera ‘customary land’

atau pun tidak, maka tanah tersebut adalah tertakluk kepada pemakaian peraturan adat.

Kajian di atas adalah selari dengan dapatan kajian Hajah Makiah Tussaripah & Jamaliah Mohd Taib (2012). Namun begitu, kajian ini menjelaskan bahawa segala jenis tanah yang pada asalnya bukan di bawah kategori tanah adat, boleh dicatat dengan catitan ‘tanah adat’ dan ditadbir di bawah undang-undang adat dengan syarat mendapat persetujuan dan kerelaan bertulis daripada semua waris terlebih dahulu dan dilakukan secara formal di Pejabat Tanah. Bagi memenuhi tuntutan semasa, makalah ini menyifatkan hukum Adat Perpatih adalah berpotensi untuk berubah dan diperbaharui. Hal ini bertujuan untuk menjaga kebijakan dan perlindungan kepada golongan wanita Negeri Sembilan.

#### Kelemahan Pengurusan dan Pentadbiran Harta Pusaka

Banyak kajian terdahulu mendapati bahawa masyarakat sering berhadapan dengan pelbagai isu pengurusan dan pentadbiran harta pusaka melibatkan para waris dan pihak Pejabat Tanah. Dalam kajian Zahari Mahad Musa (2018) menjelaskan bahawa implikasi daripada beberapa faktor pengurusan harta pusaka seperti urusan pentadbiran yang lemah dan kejahilan pihak waris dalam pembahagian pusaka telah menyebabkan berlaku konflik. Konflik antaranya apabila berlaku pertambahan ahli waris bagi si mati yang menyumbang kepada berlakunya situasi kes Faraid berangkai iaitu apabila terdapatnya lebih daripada satu kematian yang melibatkan waris bagi si mati pertama. Artikel ini akhirnya menjelaskan pendekatan al-munasakhah sebagai alternatif penyelesaian agihan faraid bagi kes kematian berangkai atau berlapis. Hasil kajian mendapati pendekatan al-munasakhah telah membantu pihak pentadbir pengurusan harta pusaka dalam pengagihan bahagian Faraid kepada waris yang berhak.

Menurut Md Yazid Ahmad et al. (2018), peningkatan harta pusaka yang tidak dituntut menyebabkan banyak tanah pusaka terbiar dan tunggakan cukai harta tak alih yang secara langsung memberi impak negatif kepada ekonomi individu, masyarakat dan negara. Penulisan artikel beliau telah membincangkan permasalahan tersebut dan bentuk-bentuk penyelesaian yang ada dalam menangani masalah dalam pengurusan harta pusaka orang Islam yang tidak dituntut. Hasil kajian menunjukkan bahawa kegagalan membendung masalah ini dikatakan berpunca daripada kekangan perundungan dan amalan sosial dan budaya masyarakat yang negatif yang perlu dikaji untuk mendapatkan jalan penyelesaian yang komprehensif bagi mengatasi masalah tersebut daripada terus berlanjutan.

Selain itu, makalah Noraini Noordin et al. (2012) turut membincangkan mengenai isu dan cabaran masyarakat dalam membuat tuntutan harta pusaka di Malaysia. Isu kurangnya kesedaran masyarakat

terhadap proses dan prosedur yang perlu dipatuhi bermula daripada peringkat permohonan sehingga ke akhir perbicaraan. Bagaimanapun, kajian ini turut menjelaskan bahawa penyebab utama kepada timbulnya isu tersebut berpunca daripada garis panduan yang tidak jelas yang menyumbang kepada masalah masa yang panjang dan kos yang tinggi yang perlu ditanggung waris dalam tuntutan harta pusaka. Dalam pada itu terdapat sebuah kajian yang dilakukan di daerah (Ilorin, Kwara State), Nigeria yang menfokuskan mengenai akibat daripada penangguhan pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat Nigeria. Ismael (2017) dalam artikel beliau telah melakukan kajian kes menerusi beberapa kes-kes terpilih di negara terbabit untuk menunjukkan sifat sebenar dalam hak perwarisan Islam. Analisis kajian kes telah dihuraikan kepada beberapa sudut utama iaitu, sosial, ekonomi, agama dan undang-undang. Penulis akhirnya telah menjelaskan bahawa masa merupakan faktor terpenting dalam pembahagian harta pusaka.

Dalam kajian Noraini Noordin et al. (2013), telah membincangkan solusi bagi mengatasi masalah ini dengan memperkenalkan model NFP (Network Flow Programming) yang dapat memberi kefahaman proses tuntutan harta pusaka kepada masyarakat. Perbincangan dalam kajian ini mendapati bahawa banyak kesukaran timbul dalam menuntut hak waris ke atas undang-undang perwarisan Islam. Hal ini ialah akibat daripada masa dan wang yang terbuang dan dibazirkan apabila umat Islam tidak mengetahui prosedur untuk menuntut harta pusaka, turut menjadi punca kepada peningkatan harta pusaka tidak dituntut di Malaysia. Model NFP ini merupakan aliran proses dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam di institusi-institusi bertujuan untuk menjelaskan dengan tepat proses tuntutan dan untuk membantu masyarakat mencari jalan terpantas untuk meminimumkan masa dan menjimatkan wang yang dibelanjakan dalam proses-proses ini.

#### KESIMPULAN

Berdasarkan tinjauan terhadap dapatan kajian terdahulu yang telah dibincangkan, terdapat beberapa perkara yang boleh diketengahkan oleh kajian ini. Pertama, kurang pemahaman masyarakat terhadap amalan pembahagian harta pusaka menjadi punca kepada peningkatan harta pusaka beku. Kebanyakan mereka dilihat tidak memahami pembahagian faraid dan telah menyempitkan pemakaian hukum tersebut sehingga mengakibatkan pelaksanaannya menjadi tidak praktikal. Kedua, masyarakat dilihat kurang cakna terhadap proses atau prosedur yang perlu dilalui dan kepada agensi mana yang perlu dirujuk. Minat dan kefahaman yang kurang terhadap amalan Adat Perpatih dalam kalangan masyarakat kini menjadikan proses pembahagian tanah adat menjadi rumit dan memakan masa yang lama untuk diselesaikan.

Ketiga, didapati bahawa banyak isu timbul membabitkan pentadbiran dan pengurusan pihak Pejabat Tanah di Negeri Sembilan dan masyarakat mereka yang menggunakan amalan perwarisan Adat Perpatih. Kelancaran pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia dikatakan terkesan oleh peruntukan undang-undang adat di Negeri Sembilan yang berupaya mencetuskan konflik serta pertikaian antara pihak waris dan pihak Pejabat Tanah sebagai agensi pentadbiran pusaka. Misalnya, pewarisan harta pusaka tanah adat dalam sistem hukum Adat Perpatih yang mengutamakan jurai nasab perempuan di Negeri Sembilan hanyalah diaplikasikan bagi tanah adat yang telah didaftarkan di Pejabat Tanah sahaja. Manakala, bagi harta pusaka selain tanah adat umumnya dibahagikan mengikut sistem hukum faraid dan bukan mengikut amalan adat. Hal ini menyebabkan timbul pertikaian apabila membabitkan tanah adat yang tidak didaftarkan secara formal dalam menentukan sama ada ia tertakluk kepada peraturan dan pegangan adat atau tidak.

Keempat, ketidakjelasan masyarakat terhadap prosedur pengurusan pusaka telah menimbulkan kekangan. Pelaksanaan amalan adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan khususnya apabila melibatkan tanah adat sering menjadi perbualan hangat masyarakat Melayu kerana dilihat bertentangan dengan ketetapan hukum faraid. Kajian lepas telah membincangkan perbezaan pandangan ulama terhadap amalan perwarisan tanah adat berdasarkan Adat Perpatih. Setelah diteliti, perbezaan pandangan dalam menentukan hukum tanah adat ini dilihat berpunca daripada perbezaan pemahaman ke atas status tanah adat itu sendiri. Dengan mengambilkira status harta tanah adat yang berbeza dengan pusaka tinggi dan harta-harta lainnya terutama dari segi pemilikannya, maka amalan ini tidak bertentangan dengan syarak kerana tidak melanggar syarat-syarat pemakaian hukum adat (uruf) yang dibenarkan di dalam Islam.

Akhir sekali, kebanyakan dapatan kajian lalu membuktikan bahawa kekangan perundungan serta amalan sosial dan budaya masyarakat yang negatif telah menjadi faktor kelemahan pengurusan harta pusaka. Kajian akhirnya dapat menerokai masalah atau halangan yang dihadapi oleh masyarakat kini dalam pelaksanaan pengurusan harta pusaka membabitkan hukum Adat Perpatih. Isu-isu yang telah dibincangkan perlu ditangani dengan baik oleh pihak pentadbir untuk mengekalkan amalan hukum adat dalam masyarakat mengikut keadaan dan keperluan semasa demi menjaga kepentingan masyarakat kaum tersebut. Dapatkan ini bertujuan agar pengurusan dan pelaksanaannya dapat disusun atur oleh pihak pentadbir dengan lebih baik supaya tidak wujud sebarang unsur kezaliman dan kerugian kepada mana-mana pihak.

Setelah diteliti dan diamati, pengkaji berpendapat bahawa adalah perlu kajian lanjutan dibuat terhadap amalan pengurusan harta pusaka di

Negeri Sembilan memandangkan kebanyakan kajian terdahulu cenderung membincangkan amalan perwarisan membabitkan tanah adat di Negeri Sembilan secara terfokus. Didapati juga masih belum terdapat mana-mana kajian yang melakukan perbandingan amalan pengurusan harta pusaka biasa dan harta pusaka adat di Negeri Sembilan. Pengkaji cenderung berpendapat bahawa adalah perlu kajian tersebut dibuat untuk mengetahui prosedur terkini amalan pembahagian jenis harta pusaka yang berbeza di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih di samping mengkaji halangan-halangan kini yang lazimnya dihadapi oleh pihak pentadbir iaitu pihak Unit Pusaka Kecil

## RUJUKAN

- Azman Ab. Rahman, Tengku Mansur bin Tengku Zainal Abidin, Lukman Abdul Mutalib, & Syaryanti Hussin. (2017). Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Konsep Tanah Adat dan Undang-Undang Tanah Adat: Kajian di Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5, 1–11.
- Azwan Syah Idris, Nordin Hussin, & Ishak Yussof. (2015). Pelaksanaan Customary Tenure Enactment (CTE) Zaman Kolonial dan Kesannya ke atas Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan (1921–1940). *Kajian Malaysia*, 33(1), 67–92.
- Bibi Nur Adila Zulkafli, & Md Yazid Ahmad. (2016). Kekangan dan Penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam di Malaysia. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 38(1), 53–63.
- Hajah Makiah Tussaripah Hj Jamil, & Jamaliah Mohd Taib. (2012). Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam. *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*, (June 2012).
- Hami, M. I., Sahid, M. M., Rabb, M. A. A., & Idris, M. M. (2018). Sistem Kepimpinan Dalam Adat Perpatih: Model Terbaik Ijmak Dan Syura. In M. M. Sahid, Azman Ab. Rahman, & M. I. Hami (Eds.), *Adat Perpatih Berpandukan Syarak Amalan Di Negeri Sembilan dan Minangkabau* (pp. 97–108). NAM Publications.
- Hani Kamariah Mat Abdullah, Suhaimi Ab Rahman, Rasyikah Md. Khalid, & Nurul Aiman Mat Abdullah. (2020). Perkembangan Pengurusan dan Pentadbiran Harta Pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 42–53.
- Hendun Abd Rahman Shah, Adzidah Yaakob, & Suraiya Osman. (2017). Dinamika Undang-Undang Tanah Adat di Negeri Sembilan : Kajian Perkembangan dan Isu Undang-Undang. *Malaysian Journal of Syariah and*

- Law, 5, 1–12.  
<https://doi.org/10.12816/0051381>
- Ismael, I. S. (2017). Consequences of Delaying Distribution of Estate in Islamic Law of Inheritance: the Nigerian Experience. *Jurnal Syariah*, 24(2), 303–320.  
<https://doi.org/10.22452/js.vol24no2.6>
- Izawati Wook, Nawal Sholehuddin, & Nurfadhilah Che Amani. (2017). Tanah Adat di Negeri Sembilan : Undang-Undang, Pelaksanaan dan Realiti. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5, 1–10.  
<https://doi.org/10.12816/0051385>
- Jabatan Mufti Negeri Sembilan. (2016). Pewarisan Tanah Adat: Kebenaran Pelaksanaannya Menurut Islam. Retrieved June 28, 2021, from <http://www.muftins.gov.my/v1/en/2020/02/03/pewarisan-tanah-adat-kebenaran-pelaksanaannya-menurut-islam/>
- Jasni Sulong. (2012). Amalan Pembahagian Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 23, 99–131. Retrieved from file:///C:/Users/Khadijah/Downloads/25680-1309-56783-1-10-20200818.pdf
- Jasni Sulong. (2016). Pengaruh Budaya Melayu dalam Gelagat Pembahagian Harta Pusaka di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9(1), 94–114.
- Md Yazid Ahmad. (2018). Amalan Muafakat dan Aplikasi Takharuj dalam Pengagihan Pusaka menurut Perspektif Undang-undang Pusaka Islam. *Islāmiyyāt*, 39(1), 21–28.
- Md Yazid Ahmad, Mohd Nasran Mohamad, Mohd Zamro Muda, Ezad Azraai Jamsari, Wan Zulkifli Wan Hassan, & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2018). Confronting the problem of managing unclaimed inheritance property of muslims in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(4), 1459–1466.
- Mohammad Arif Sabtu, & Siti Mashitoh Mahamood. (2017). Kaedah Muafakat Dalam Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam: Kajian di Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam. *Journal of Shariah Law Research*, 2(2017), 21–36.
- Mohd Khairy Kamarudin, & Azwan Abdullah. (2016). Amalan Pembahagian Faraid di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(3), 11–19.
- Mohd Khairy Kamarudin, Azwan Abdullah, Mohd Asrul Hery Ibrahim, & Siti Fariha. (2015). Pembahagian Pusaka Di Kalangan Waris: Pendekatan AHP. *Prosiding Seminar Hibah Dalam Pengurusan Harta Islam 2015*, (MAY), 6.
- Mualimin Mohammad Sahid, Amir Husin Mohd Nor, & Azman Ab. Rahman. (2018). Sheikh Ahmad Al-Khatib Al-Minangkabawi Dan Penderiannya Terhadap Perwarisan Harta Dalam Adat Minangkabau: Satu kajian Perbandingan Dengan Isu Tanah Adat Di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(June), 143–159.
- Nabilah Yusof, Mohammad Zaharuddin Zakaria, & Tengku Mansur bin Tengku Zainal Abidin. (2017). Amalan Pewarisan Tanah Adat Berdasarkan Undang-Undang Tanah Adat di Kalangan Masyarakat : Kajian di Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5, 1–8. <https://doi.org/10.12816/0051388>
- Nik Rahim Bin Nik Wajis, Lukman Bin Abdul Mutualib, Azman Ab. Rahman, Mualimin Mochammad Sahid, Nik Salida Suhaila Binti Nik Saleh, & Mohd Hazmi Bin Mohd Rusli. (2018). Harta Tidak Dituntut: Punca Dan Kaedah Penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(June), 129–142.  
<https://doi.org/10.12816/0051395>
- Noor Syahida Abdul Rahman, Hasliza Talib, Nurhayati Abd. Ghani, Nur Zulfah Md Abdul Salam, & Nurul Syafini Abd Rahman. (2018). Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Lembah Klang. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 96–117. Retrieved from <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>
- Noraini Noordin, Adibah Shuib, Mohammad Said Zainol, & Mohamed Azam Mohamed Adil. (2012). Review on issues and challenges in islamic inheritance distribution in malaysia. *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 3(12), 27–38.
- Noraini Noordin, Adibah Shuib, Mohammad Said Zainol, & Mohamed Azam Mohamed Adil. (2013). Delay in Islamic Inheritance Claim – An Ignorance Issue. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 90(IncULT 2012), 504–512.  
<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.07.120>
- Nur Amirah Bt Azaldin, & Mat Noor Mat Zain. (2019). Sistem Pengurusan Tanah Adat dalam Adat Perpatih. *At-Tahkim*, 9(July), 1–10. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/334389606\\_SISTEM\\_PENGURUSAN\\_TANAH\\_ADAT\\_DALAM\\_ADAT\\_PEPATIH](https://www.researchgate.net/publication/334389606_SISTEM_PENGURUSAN_TANAH_ADAT_DALAM_ADAT_PEPATIH)
- Peletz, M. G. (1994). Comparative Perspectives on Kinship and Cultural Identity in Negeri Sembilan. *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 9(1), 1–53. <https://doi.org/10.1355/sj9-1a>
- Raja Noraina Raja Rahim. (2020, September). Kurang ilmu cetus konflik perebutan harta | Harian Metro. Retrieved December 15, 2020, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/09/618828/kurang-ilmu-cetus-konflik-perebutan-harta>
- Resali Muda. (2016). Harta pusaka Islam di Malaysia: Antara perundangan dan pentadbiran. *Malaysian Journal of Syariah and*

- Law*, 4, 1–10.
- Rozlinda Binti Mohamed Fadzil, & Nur Insyirah Binti Mohamad Noh. (2018). Pengurusan Harta Melalui Sistem Faraid Di Malaysia. *International Conference Governance And Wealth Management 2018 Issues On Shariah Compliance*, (September 4), 122–129.
- Rusnadewi Abdul Rashid, & Noor Inayah Yaakub. (2010). Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5(2).
- Sahid, M. M. (2018). Pembangunan Model Adat Perpatih Patuh Syariah Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. In M. M. Sahid, Azman Ab. Rahman, & M. I. Hami (Eds.), *Adat Perpatih Berpandukan Syarak Amalan Di Negeri Sembilan dan Minangkabau* (pp. 1–18). NAM Publications.
- Setiyawan Gunardi, Mualimin Mochammad Sahid, & Amir Husin Mohd Nor. (2017). Konsep Al-'Adah Muhakkamah Dalam Perwarisan Tanah Adat Menurut Adat Perpatih Di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(December).
- Suhaimi Ab Rahman, Rasyikah Md Khalid, Adilah Abd Razak, & Abu Bakar Jaafar. (2018). Pemeriksaan Mahkamah Syariah dalam Pentadbiran Harta Pusaka Masyarakat Islam menurut Kerangka Federalisme di Malaysia. *Akademiaka*, 88(3), 113–125. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/akad-2018-8803-10> Pemeriksaan
- Syafil Syazwan Jefri. (2020). Jangan dengar sebelah pihak | Harian Metro. Retrieved December 15, 2020, from MyMetro website: <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/02/54/6753/jangan-dengar-sebelah-pihak>
- Yusuf Sani Abubakar, Ahmad Faosiy Ogunbado, & Mpawenimana Abdallah Saidi. (2019). Islamic Law of Inheritance (Fara'id): The Best Way of Estate Planning. *International Journal of Research in Commerce and Management Studies*, 1(1), 43–52.
- Zahari Mahad Musa. (2018). Penyelesaian Kes Faraid Berangkai Melalui Pendekatan Al-Munasakhah : Tumpuan Kes Faraid Dalam Mazhab Syafie. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 25(December).
- .

Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan  
*p104134@siswa.ukm.edu.my*

Pelajar Siswazah,  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA

Mohd Zamro Muda  
*zamro@ukm.edu.my*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA

Zuliza Mohd Kusrin  
*zuli@ukm.edu.my*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA

## JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2021) 6(2)

### KANDUNGAN / CONTENTS

|  |       |
|--|-------|
| <b>Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat</b><br><i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i><br>Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin,<br>Ezani Yaakub, Jasni Sulong                                      | 1-11  |
| <b>Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia</b><br><i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i><br>Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam<br>Nor Muhamad    | 12-21 |
| <b>Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan</b><br><i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i><br>Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari  | 22-31 |
| <b>Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī‘ah</b><br><i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāṣid Al-Sharī‘ah</i><br>Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari  | 32-42 |
| <b>Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law</b><br>Fahad Mubarak Aldossary   | 43-54 |
| <b>Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur</b><br><i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i><br>Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin | 55-64 |
| <b>Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur</b><br><i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i><br>Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain              | 65-75 |
| <b>Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan</b><br><i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i><br>Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya  | 76-85 |

|   |         |
|---|---------|
| <b>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</b><br>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang   | 86-94   |
| <b>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</b><br><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i><br>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap | 95-104  |
| <b>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</b><br><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i><br>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff                                | 105-113 |
| <b>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan Tabarruj: Satu Tinjauan Literatur</b><br><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i><br>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin  | 114-126 |
| <b>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</b><br><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i><br>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad   | 127-134 |
| <b>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</b><br><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i><br>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff  | 135-145 |
| <b>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</b><br><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implementation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i><br>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria  | 146-154 |
| <b>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</b><br><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i><br>A.B. Mahroof  | 155-170 |

Journal of Contemporary Islamic Law  
(2021) Vol. 6(2)

**Editor-In-Chief**  
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani  
**Co-Editor**  
Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**  
Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**  
Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin  
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**  
Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi  
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abdur  
Dr. Asman Taeali  
Dr. Muhammad Yasir Yusuf  
Dr. Ahmad Nizam  
Dr. T. Meldi Kesuma  
Sarjyanto  
Shinta Melzatia  
Dr. Hamza Hammad  
Dr. Nazlida Muhamad  
Dr. Madiha Riaz  
Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**  
Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**  
Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**  
Dr. Mohd Zamro Muda  
Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**  
Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**  
Research Centre for Sharia,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**  
Author, (2021), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**  
This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).  
You can download an electronic version online. You  
are free to copy, distribute and transmit the work  
under the following conditions: Attribution – you  
must attribute the work in the manner specified by  
the author or licensor (but not in any way that  
suggests that they endorse you or your use of the  
work); Noncommercial – you may not use this work  
for commercial purposes; No Derivative Works – you  
may not alter, transform, or build upon this work.